

11 OCT 1999

Shahidan-Fitnah

NIKMAT KEMERDEKAAN AKAN LENYAP JIKA RAKYAT PILIH PEMBANGKANG

KANGAR, 11 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim mengingatkan rakyat bahawa nikmat kemerdekaan negara akan lenyap jika mereka membelakangi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, parti pembangkang kini giat menjalankan fitnah dan pembohongan di seluruh negara untuk menagih simpati rakyat supaya memberi sokongan kepada mereka.

Berucap melancarkan kempen memerangi fitnah peringkat parlimen Kangar di sini malam ini, Shahidan yang juga Pengerusi BN Perlis berkata, bahang fitnah yang melanda kerajaan turut dirasai di negeri ini.

"BN akan menggerakkan kekuatannya bagi mematahkan serangan fitnah dan pembohongan. Kita tidak dapat berdiam diri lagi," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Shahidan mendakwa parti pembangkang mempunyai kepakaran mencipta fitnah yang disebarkan melalui media tertentu termasuk internet.

Beliau berharap rakyat tidak terpengaruh dengan fitnah dan pembohongan itu apatah lagi apabila menyentuh pemimpin utama negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Shahidan kesal kerana pihak pembangkang menggelarkan Perdana Menteri sebagai "mahafiraun."

"Mereka tidak sepatutnya melabelkan pemimpin negara dengan gelaran tertentu kerana mereka juga tidak suka pemimpin mereka diberi gelaran yang mereka tidak senangi." katanya

-- BERNAMA

ad zb